

Usul (52) Hadits-hadits yang menyatakan Khadhir dikurniakan umur yang panjang dan beliau masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w., malah telah bertemu Baginda s.a.w., semuanya maudhu` . Sama ada pertemuannya ketika Rasulullah s.a.w. masih sihat atau ketika Baginda hampir wafat. Demikian juga dengan hadits yang menyebut tentang kedatangannya untuk menziarahi Rasulullah s.a.w. yang telah wafat dan mengucapkan ta`ziah kepada para sahabat serta ahli keluarganya. Hadits-hadits yang menyatakan Khadhir hidup hingga ke akhir zaman juga sama keadaannya.

Di bawah ini dikemukakan tiga contoh bagi usul ke-52 ini:

Contoh Pertama:

"أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي الْمَسْجِدِ فَسَمِعَ كَلَامًا مِنْ وَرَائِهِ فَإِذَا هُوَ بِقَاعِلٍ يَقُولُ: اللَّهُمَّ أَعْنِي عَلَى مَا يُؤْخِينِي مِمَّا حَوْقَنْتِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ سَمِعَ ذَلِكَ: أَلَا تَضْمِنْ إِلَيْهَا أَخْتَهَا، فَقَالَ الرَّجُلُ: اللَّهُمَّ ارْزُقْنِي شَوَّقَ الصَّالِحِينَ إِلَى مَا شَوَّقْتُهُمْ إِلَيْهِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَانِسَ بْنَ مَالِكَ: إِذْهَبْ يَا أَنْسُ إِلَيْهِ فَقُلْ لَهُ: يَقُولُ لَكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَغْفِرُ لِي، فَجَاءَهُ أَنْسٌ فَبَلَّغَهُ فَقَالَ الرَّجُلُ يَا أَنْسُ أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ [وَارْجَعْ] إِلَيَّ كَمَا أَنْتَ فَرَجَعَ فَاسْتَشْرِفَهُ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْ لَهُ نَعَمْ. فَقَالَ لَهُ: إِذْهَبْ فَقُنْ لَهُ: إِنَّ اللَّهَ فَضَّلَكَ عَلَى الْأَنْبِيَاءِ مِثْلَ مَا فَضَّلْتَ بِهِ رَمَضَانَ عَلَى الشَّهُورِ، وَفَضَّلَ أَمْتَكَ عَلَى الْأَمْمَ مِثْلَ مَا فَضَّلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ عَلَى سَابِرِ الْأَيَامِ، فَدَهْبُوا يَنْظُرُونَ فَإِذَا هُوَ الْخَيْرُ عَلَيْهِ السَّلَامُ".

Bermaksud: Bahwasanya pernah Rasulullah s.a.w. berada di dalam masjid, lalu Baginda mendengar ada orang sedang bercakap di belakangnya. Rupa-rupanya dia sedang berdoa, katanya: "Ya Allah! Tolonglah aku dalam melakukan sesuatu yang dapat menyelamatkanku daripada ancamanMu terhadapku." Apabila Rasulullah s.a.w. mendengar ucapannya itu, Baginda terus bersabda, "Kenapa engkau tidak sambungkan doa itu dengan doa seterusnya?" Maka orang itu meneruskan doanya dengan berkata, "Ya Allah! Kurniakanlah kepadaku kerinduan orang-orang saleh kepada apa yang Engkau telah buatkan mereka merinduinya." Mendengar doa itu, Rasulullah s.a.w. lantas berkata kepada Anas bin Malik, "Pergilah engkau kepadanya wahai Anas, dan katakan kepadanya, "Rasulullah s.a.w. meminta supaya engkau beristighfar untuknya." Maka pergilah Anas menyampaikan pesan Rasulullah s.a.w. itu kepadanya. Orang itu pun berkata, "Wahai Anas, pergilah kembali kepadanya wahai Anas, dan dapatkan kepastian daripadanya". Lantas Nabi s.a.w. bersabda, "Katakanlah kepadanya, ya." Setelah itu barulah dia berkata kepada Anas, "Pergi dan ceritakanlah kepadanya (Nabi s.a.w.), sesungguhnya Allah telah melebihkanmu daripada nabi-nabi yang lain seperti

Dia telah melebihkan bulan Ramadhan daripada bulan-bulan yang lain, dan Dia melebihkan umatmu daripada umat-umat yang lain seperti Dia melebihkan hari Juma`at daripada segala hari. Mereka kemudiannya pergi (untuk) melihat, rupa-rupanya dia Khadhir a.s.”

Rujukan:

Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu`aat j.1 m/s 193-194, Ibnu `Adi – al-Kāmil Fi Dhu`afā’ ar-Rijāl j.6 m/s 62, as-Suyuthi – al-La’ali’u al-Mashnu`ah j.1 m/s 151-152, adz-Dzahabi - Mizaanu al-Γtidaal j.3 m/s 408, Mulla `Ali al-Qari- al-Asraaru al-Marfu`ah Fi al-Akhbaari al-Maudhu`ah m/s 443, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari`ah al-Marfu`ah j.1 m/s 233, Abu Ḥudzaifah Nabīl bin Manshūr al-Kuwaiti – Anīs as-Sāri j.9 m/s 6578-6580.

Komentar:

(1) Hadits di atas telah dikemukakan oleh Ibnu al-Jauzi dengan sanad berikut:

أَنَّبَانَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْمَالِكِ بْنُ حَيْرُونَ قَالَ أَنَّبَانَا يُوسُفُ بْنُ مَسْعَدَةَ قَالَ أَنَّبَانَا حَمْزَةُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَنَّبَانَا أَبُو أَحْمَدَ بْنَ عَدَيِّيَ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ بْنُ عَاصِمٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْقَرْشَى قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ نَافِعٍ عَنْ كَثِيرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ

Di dalamnya terdapat dua orang perawi yang sangat bermasalah. Pertamanya ialah `Abdullah bin Nāfi` (as-Shā’igh). Yahya bin Ma`īn berkata, “Dia langsung tidak bernilai”. `Ali bin al-Madīni berkata, “Dia selalu meriwayatkan hadits-hadits mungkar”. An-Nasā'i pula berkata, “Dia perawi matrūk”.

Perawi kedua yang bermasalah di dalam sanad itu ialah Katsīr bin `Abdillah bin `Amar bin `Auf bin Zaid al-Muzani. Yahya bin Ma`īn dan Ahmad bin Ḥambal berkata, “Riwayatnya langsung tidak bernilai. Ia tidak layak ditulis”. Ibnu `Adi berkata, “Kebanyakan riwayatnya tidak ada orang lain yang turut meriwayatkannya”. An-Nasā'i dan ad-Daaraquthni berkata, “Dia perawi matrūk”. Imam asy-Syafi`e dan Abu Daud berkata, “Dia salah satu rukun (tiang seri) dusta”. Ibnu Hibbaan berkata, “Ada satu nuskah hadits maudhu` diriwayatkannya daripada ayah daripada datuknya. Haditsnya tidak boleh diriwayatkan dan tidak boleh dimasukkan ke dalam kitab-kitab kecuali dengan maksud menyatakan kehairanan dan kepelikan.”

(2) Para ‘ulama’ menyatakan kehairanan mereka terhadap orang-orang seperti as-Suyuthi dan Ibnu ‘Arrāq yang menghukum hadits ini sebagai dha`if sahaja. Padahal di dalam sanadnya ada orang seperti Katsīr itu. Matannya pula jelas menunjukkan ia adalah suatu yang diada-adakan.

(3) Adz-Dzahabi berkata, Imam Tirmidzi meriwayatkan hadits *الصلح جائز بين المسلمين* yang diriwayatkan oleh Katsīr dan menghukumnya sebagai hadits sahih. Kerananya para ‘ulama’ hadits menganggap hukum sahih Tirmidzi tidak mu’tamad (tidak boleh dipegang).

(4) Nakārah (perkara ganjil yang bercanggah dengan riwayat-riwayat yang shahīf dan prinsip-prinsip Syari`at) yang terdapat di dalam matannya jelas sekali. Betapa tidaknya, siapa pun yang ada sedikit sahaja iman di dalam hatinya, akan berasa pelik dengan seseorang yang sempat dengan zaman Rasulullah s.a.w., malah telah berada begitu dekat di belakang Baginda, sehingga suaranya berdoa didengar oleh Baginda, tetapi tidak mengambil peluang untuk bertemu?! Sebaliknya memakai perantara untuk bercakap dengan Rasulullah s.a.w.!! Apa yang menghalangnya untuk bercakap dengan Baginda secara berhadapan?!

(5) Rasulullah s.a.w. digambarkan sebagai orang yang berharap kepada Khadhir supaya beristighfar kepada Allah untuknya. Bukankah Allah telah mengisyiharkan keampunanNya untuk Rasulullah s.a.w. di dalam beberapa firmanNya? Lihat sebagai contohnya firman Allah di dalam Surah al-Fath:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ① لِيغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأْخُرَ وَمَا تَعْمَلُ وَعَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا



Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata, (1)

Kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya). (2) (al-Fath:1-2).

Tidak cukupkah lagi perisytiharan itu? Atau ada udang di sebalik batu di belakang cerita yang direka dan diada-adakan ini?

Udangnya ialah kedudukan Khadhir lebih tinggi lagi di sisi Allah daripada Nabi akhir zaman yang merupakan penutup sekalian nabi a.s.

Kalau Khadhir hanya seorang wali bukan nabi, maka daripada kisah ini dapat difaham bahawa Nabi Muhammad pun memerlukan wasilah wali dalam memohon sesuatu kepada Allah.

(6) Antara yang peliknya ialah bagaimana Khadhir dapat bercakap secara berhadapan dengan Anas, tetapi dengan Rasulullah s.a.w. pula tidak! Kiranya Anas telah melihatlah Khadhir itu dengan mata kepalanya, tetapi tidak pernah pula di dalam mana-mana riwayat yang sahih Anas menceritakan tentang rupa parasnya.

(7) Mengambil kira riwayat-riwayat (palsu) yang menyebutkan Khadhir sebagai salah seorang anak Nabi Adam, maka saiz tubuhnya sepatutnya jauh lebih tinggi dan lebih besar daripada orang-orang di zaman Rasulullah s.a.w. Bukankah itu sesuatu yang menarik perhatian Anas? Tetapi kenapa tidak ada langsung riwayat Anas tentangnya?

(8) Antara perkara yang pelik juga ialah kenapa biasanya kisah-kisah kemunculan Khadhir menggambarkan beliau selalu menyembunyikan diri dari pandangan orang ramai. Di dalam kisah ini beliau bukan menyembunyikan diri daripada orang-orang biasa, malah menyembunyikan diri daripada Rasulullah s.a.w. sendiri. Bila diketahui orang dan mereka hendak melihatnya, tiba-tiba saja beliau lari menghilangkan diri!

Contoh Kedua:

أَخْبَرَنَا أَبُو بَكْرٍ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ بَالْوَيْهِ، ثنا مُحَمَّدُ بْنُ بِشْرٍ بْنُ مَطْرٍ، ثنا كَامِلُ بْنُ طَلْحَةَ، ثنا عَبَادُ بْنُ عَبْدِ الصَّمَدِ، عَنْ أَنَّسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: "لَمَّا فُيضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْدَقَ بِهِ أَصْحَابَهُ فَبَكَوْا حَوْلَهُ، وَاجْتَمَعُوا فَدَخَلَ رَجُلٌ أَصْهَابُ الْحَيْثَةِ، جَسِيمٌ صَبِيْحٌ، فَتَحَطَّا رَفَاهِهِمْ فَبَكَى، ثُمَّ النَّفَّت إِلَيْهِ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: إِنَّ فِي الْأَرْضِ عَزَاءً مِنْ كُلِّ مُصِيبَةٍ، وَعَوْضًا مِنْ كُلِّ فَاتِتٍ، وَخَافًَا مِنْ كُلِّ هَالِكٍ، فَإِلَى اللَّهِ فَأَنِيبُوا، وَإِلَيْهِ فَارْغَبُوا، وَنَظِرَةُ إِلَيْكُمْ فِي الْبَلَاءِ فَانْظُرُوا، فَإِنَّمَا الْمُصَابُ مَنْ لَمْ يُجْبَرْ" وَانْصَرَفَ فَقَالَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ: تَعْرِفُونَ الرَّجُلَ؟ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَعَلَيْهِ: نَعَمْ، هَذَا أَحُو رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْخَضِيرُ عَلَيْهِ السَّلَامُ.

Bermaksud: Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: Setelah nyawa Rasulullah s.a.w. diambil, mata para sahabat terpaku pada Baginda. Mereka menangis di sekeliling

Baginda. Tiba-tiba masuk seorang lelaki berjanggut perang, gempal dan cantik wajahnya. Setelah melangkah tengkuk-tengkuk mereka, dia menangis. Kemudian berpaling kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. lalu berkata: “Sesungguhnya pada Allah ada penghibur untuk setiap musibah (yang menimpa), pengganti untuk setiap yang hilang dan pengganti untuk setiap yang musnah. Kepada Allah hendaklah kamu kembali. KepadaNya juga hendaklah kamu berharap. Ada pengajaran untuk kamu pada bala (ujian yang menimpa) ini. Oleh itu kamu hendaklah mengambil pengajaran (daripadanya). Orang yang ditimpa malapetaka sebenarnya ialah orang yang tidak tertampung kesedihannya. Orang itu pun pergi. Maka sebahagian mereka (sahabat) bertanya kepada sebahagian yang lain, kamu kenalkah orang tadi? Jawab Abu Bakar dan `Ali: “Ya”. Itulah saudara Rasulullah s.a.w. al-Khadhir a.s.

Rujukan:

Al-Haakim – al-Mustadrak `Ala as-Shâfi`îhain J. 3, m/s 60, adz-Dzahabi - Mizan al-Tidaal j.2, m/s 369.

Komentar:

(1) Hadits ini tidak layak dijadikan dalil kerana kedha`ifannya. Di dalam isnadnya terdapat seorang perawi sangat dha`if bernama `Abbaad bin `Abdus Shamad. Dialah yang meriwayatkan hadits itu daripada Anas bin Malik, sahabat Nabi s.a.w. Imam Bukhari berkata tentangnya, dia seorang perawi munkarul hadits. Ibnu Hibbaan mengatakan dia lemah. Satu nuskah hadits telah diriwayatkannya daripada Anas. Kebanyakannya adalah maudhu`. Kata Abu Hatim, `Abbaad dha`if sangat. Kata Ibnu `Adi, kebanyakan hadits yang diriwayatkannya adalah berkenaan dengan kelebihan `Ali. Dia seorang dha`if dan melampau dalam fahaman Syi`ahnya.

(2) Al-Haakim sendiri selepas mengemukakan riwayat ini berkata: “Hadits ini merupakan syahid bagi hadits yang tersebut sebelumnya. Walaupun `Abbaad bin `Abdus Shamad bukan perawi yang menepati syarat kitab ini.

(3) Sebenarnya hadits `Abbaad bin `Abdus Shamad itu tidak layak pun dijadikan sebagai syahid kerana bersangatan lemahnya. Walaupun adz-Dzahabi tidak membuat apa-apa komentar terhadap hadits yang dikemukakan oleh Haakim itu, tetapi beliau menukilkan kata-kata Bukhari dan lain-lain tokoh Rijal mengenai `Abbaad bin `Abdus

Shamad. Beliau juga menukilkan pendapat Abu Haatim tentangnya bahawa ia seorang yang sangat lemah. Abu Haatim mengemukakan beberapa haditsnya, lalu berkata tentang salah satu daripadanya, “Ia menyerupai rekaan tukang-tukang cerita”. Tentang yang lain pula beliau berkata, “Yang ini adalah dusta yang nyata.”

- (4) Imam Ibnu Taimiyah juga pernah terkeliru dengan hadits-hadits seperti itu, sehingga beliau berpendapat Khadhir masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w. Di dalam fatwa beliau di peringkat awal, beliau memang berfatwa bahawa Khadhir masih hidup di zaman Baginda. Tetapi di dalam kebanyakan fatwanya yang kemudian, beliau dengan jelas mengatakan Khadhir telah mati. Alasannya ialah kalau Khadhir masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w., wajib dia datang menemui Baginda dan membelaanya.
- (5) Kalau Khadhir boleh datang setelah Nabi s.a.w. wafat dalam keadaan penuh misteri seperti tergambar di dalam riwayat di atas, kenapa beliau tidak datang ketika Baginda masih hidup, ketika Baginda menghadapi bermacam-macam cabaran yang memerlukan pertolongan dan sokongan?
- (6) Bagaimana pula Abu Bakar dan `Ali mengetahui itu Khadhir? Adakah mereka pernah melihatnya semasa Rasulullah s.a.w. masih hidup dan diberitahu oleh Baginda bahawa itu Khadhir? Bukankah Rasulullah s.a.w. sendiri tidak pernah bersemuka dengan Khadhir? Jadi bagaimana Baginda akan menunjukkan kepada Abu Bakar dan `Ali bahawa itu Khadhir?
- (7) Adakah Anas tidak hadir ketika rumah Rasulullah s.a.w. dan kawasan sekitarnya penuh sesak dengan sanak saudara dan para sahabat yang datang menyaksikan kewafatan Nabi s.a.w.? Berdasarkan riwayat contoh pertama, Anas telah pun melihat Khadhir. Kalau begitu kenapa beliau tidak mengenalinya.
- (8) Abu Bakar dan `Ali pula tidak diketahui pernah menemui Khadhir, lalu bagaimana mereka mengenalinya. Kalau mereka mengenalinya, kenapa ia tidak ditegur dan disapa oleh mereka dengan ucapan-ucapan tertentu, seperti biasanya apabila orang bertemu setelah sekian lama terpisah?

Contoh Ketiga:

Di bawah Imam Muslim dengan sanadnya mengemukakan hadits Abu Sa`id al-Khudri, kata beliau:

حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا حَدِيثًا طَوِيلًا عَن الدَّجَالِ فَكَانَ فِيمَا حَدَّثَنَا قَالَ يَأْتِي وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْهِ أَنْ يَدْخُلَ نِقَابَ الْمَدِينَةِ فَيَنْتَهِي إِلَى بَعْضِ السَّبَاخِ الَّتِي تَلِي الْمَدِينَةَ فَيَخْرُجُ إِلَيْهِ يَوْمَئِذٍ رَجُلٌ هُوَ خَيْرُ النَّاسِ أَوْ مِنْ خَيْرِ النَّاسِ فَيَقُولُ لَهُ أَشْهَدُ أَنَّكَ الدَّجَالُ الَّذِي حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثَهُ فَيَقُولُ الدَّجَالُ أَرَأَيْتُمْ إِنْ قَتَلْتُ هَذَا ثُمَّ أَخْيَتُهُ أَنْسُكُونَ فِي الْأَمْرِ فَيَقُولُونَ لَا قَالَ فَيَقْتُلُهُ ثُمَّ يُخْبِيَهُ فَيَقُولُ حِينَ يُخْبِيَهُ وَاللَّهُ مَا كُنْتُ فِيهِ قُطُّ أَشَدَّ بَصِيرَةً مِنِ الْأَنَّ قَالَ فَيُرِيدُ الدَّجَالُ أَنْ يَقْتَلَهُ فَلَا يُسْلَطُ عَلَيْهِ.

قَالَ أَبُو إِسْحَاقَ يُقَالُ إِنَّ هَذَا الرَّجُلُ هُوَ الْخَضِرُ عَلَيْهِ السَّلَامُ.

Bermaksud: Pernah pada suatu hari Rasulullah s.a.w. bercerita panjang tentang Dajjaal. Antara yang diceritakan oleh Baginda tentangnya ialah kata Baginda: “Ia (Dajjaal) akan datang - Ia tidak akan dapat masuk ke lorong-lorong (jalan-jalan) Madinah - sehingga ke sebahagian kawasan tanah tidak subur dekat Madinah. Maka keluarlah kepadanya pada hari itu seorang lelaki yang merupakan sebaik-baik manusia atau antara manusia terbaik. Lalu lelaki itu berkata kepadanya: “Aku bersaksi bahawa sesungguhnya engkau adalah Dajjaal yang diceritakan oleh Rasulullah s.a.w.” Kata Dajjaal: “Bagaimana kalau aku bunuh orang ini kemudian aku hidupkannya. Adakah kamu masih ragu tentang da`waanku (sebagai tuhan)?” Jawab orang-orang yang ada di situ: “Tidak”. Kata Nabi s.a.w.: “Maka dibunuhnya lelaki itu. Kemudian dihidupkannya. Setelah dihidupkan semula, lelaki itu terus berkata: “Demi Allah! Keyakinanku (tentang kebohonganmu) tidak pernah sekuat sekarang.” Nabi s.a.w. (terus) bercerita, kata Baginda: “Dajjaal hendak membunuhnya (sekali lagi), tetapi tidak mampu.”

Kata Abu Ishaq, dikatakan lelaki (yang tersebut di dalam hadits) itu ialah al-Khadhir a.s.

Rujukan:

Muslim – Al-Jāmi` as-Shāhīh j.8 m/s 199, Hafizh Ibnu Hajar – Az-Zahru an-Nadhir Fi Ḥāli Khadhir m/s 131.

Komentar:

(1) Daripada paparan riwayat Muslim yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas jelas bahawa: قَالَ أَبُو إِسْحَاقَ يُقَالُ إِنَّ هَذَا الرَّجُلُ هُوَ الْخَضِرُ عَلَيْهِ السَّلَامُ Bermaksud: Kata Abu Ishaq,

dikatakan lelaki (yang tersebut di dalam hadits) itu ialah al-Khadhir a.s. Itu tidak lebih daripada tambahan berupa komentar Abu Ishaq Ibrahim bin Sufyan (murid Muslim) setelah selesai hadits itu dikemukakan oleh Imam Muslim.

(2) Jelas sekali penetapan lelaki yang tersebut di dalam hadits itu sebagai Khadhir bukan tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w. Bukan juga ia kata-kata Muslim.

(3) Apa yang disebut oleh murid Muslim, Abu Ishaq bukan hujah dalam agama. Beliau pun hanya mengemukakannya dengan shighah tamridh sahaja. Ia mengisyaratkan kepada kedha`ifan apa yang dikemukakannya itu.

(4) Ketiga-tiga contoh yang dikemukakan di atas merupakan riwayat terbaik yang dijadikan pegangan oleh orang-orang yang percaya Khadhir masih hidup hingga ke hari ini. Hadits pertama dan kedua memang maudhu`. Hadits ketiga sahih. Ia adalah riwayat Muslim di dalam Sahihnya. Tetapi tambahan di hujung hadits itu bukan hadits. Ia hanya apa yang dinukilkan oleh murid Muslim yang merupakan perawi Kitab Sahih Muslim dengan shighah tamridh yang mengisyaratkan kepada kedha`ifannya sahaja.

(5) Jumhur muhadditsin tidak dapat menerima hadits-hadits seperti di atas sebagai dalil bagi hidupnya Khadhir hingga ke hari ini, bahkan hingga ke akhir zaman. Mereka sebaliknya percaya bahawa Khadhir telah pun meninggal dunia. Mereka berpegang dengan dalil-dalil yang kuat dan terang berupa ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih. Antaranya hadits Bukhari berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُانُ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا يُوسُفُ عَنِ الرُّهْبَرِيِّ قَالَ سَالِمٌ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ قَالَ صَلَّى لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً صَلَاةً الْعِشَاءِ وَهِيَ الَّتِي يَدْعُونَا إِلَيْهَا فَأَقْبَلَ عَلَيْنَا فَقَالَ أَرَأَيْتُمْ لَيْلَتَكُمْ هَذِهِ فَإِنَّ رَأْسَ مِائَةِ سَنَةٍ مِنْهَا لَا يَنْقَى مِنْهُ هُوَ عَلَى ظَهْرِ الْأَرْضِ أَحَدٌ.

Bermaksud: `Abdaan (Abdullah bin `Utsman al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah (bin al-Mubaarak) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin Yazid al-Aili) meriwayatkan kepada kami daripada al-Zuhri (Muhammad bin Musim bin Syihaab), kata Salim (bin `Abdillah bin `Umar): `Abdullah (bin `Umar) meriwayatkan kepada saya, katanya: "Rasulullah s.a.w. mengimami kami bersembahyang 'Isyaa' pada suatu malam. Itulah sembahyang yang orang ramai panggil `Atamah. Setelah selesai bersembahyang Baginda s.a.w. menghadapi kami, lalu berkata: "Ingat baik-baik malam ini! Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang hidup

di atas muka bumi pada malam ini akan terus hidup selepas seratus tahun (bermula dari malam ini).

Orang-orang yang mempercayai Khadhir masih hidup hingga sekarang menta'wil hadits ini dengan beberapa ta'wilan. Antaranya:

(i) Apa yang tersebut di dalam hadits ini ialah orang yang hidup di atas muka bumi pada malam itu. Boleh jadi pada malam itu Khadhir tidak berada di atas muka bumi, tetapi beliau berada di atas laut atau di dalam laut.

(ii) Hadits ini adalah umum makhsus. Ia tidak seharusnya dipakai seumumnya. Malah ada juga yang berada di atas muka bumi pada malam itu terkecuali. Seperti malaikat, Iblis, syaitan, jin, Khadhir dan lain-lain. Boleh jadi juga مَنْ yang umum di dalam hadits itu dikhkususkan dengan manusia sahaja.

(iii) Muka bumi yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. itu bukanlah seluruh muka bumi. Tetapi bumi di mana Baginda s.a.w. berada dan kawasan-kawasan sekitarnya sahaja iaitu Hijaz, Tihamah dan Najd. Penggunaan perkataan di sini sama seperti penggunaan perkataan الارض di dalam firman Allah: أَوْ يِنْفُوا مِنَ الْأَرْضَ Bermaksud: atau (mereka) dibuang negeri (al-Maa'idah:33) dan di dalam firmanNya: قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ Bermaksud: Yusuf berkata: Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir). (Yusuf:55). Boleh jadi Khadhir pada malam berkenaan berada di kawasan bumi yang lain.

(iv) Adanya ramai sangat alim 'ulama' dan orang-orang saleh yang menda'wa telah bertemu dengan Khadhir dari zaman dahulu hingga ke hari ini. Kalau beliau telah meninggal dunia, bagaimana beliau ditemui di serata dunia oleh sekian ramai alim 'ulama' dan orang-orang saleh itu?

Jelas sekali lemahnya ta'wilan-ta'wilan yang dikemukakan itu. Ia sama sekali tidak layak dijadikan hujah dalam agama yang dapat menolak hadits sahih di atas. Tidak perlu juga rasanya penulis menghabiskan masa untuk menjawabnya. Kecuali ta'wilan nombor (ii) dan nombor (iii).

Boleh diterima kalau yang dikecualikan daripada umum orang yang berada di atas muka bumi pada malam berkenaan ialah malaikat, Iblis, syaitan atau jin. Tetapi kenapa

Khadhir termasuk dalam kalangan yang terkecuali? Bukankah beliau juga manusia? Mana pula dalil yang mengecualikan beliau daripada umum orang yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas? Tidak ada!

Kalau diandaikan Khadir pada malam itu berada di kawasan bumi yang lain, tidak mungkin juga ada lagi manusia di atas muka bumi yang lain itu selain beliau? Sekurang-kurangnya sebahagian atau beberapa orang daripada mereka juga mungkin ada yang terkecuali daripada sabda Nabi s.a.w. itu? Kenapa ia khusus dengan Khadir sahaja.

Berapa panjang pula umur mereka? Adakah sampai lebih tiga ribu tahun seperti Khadir? Mana dalil yang kukuh yang boleh dijadikan pegangan untuk terkecualinya mereka? Kalau begitu tidak ada lagi kelebihan dan mu`jizat di dalam sabda Nabi s.a.w. tersebut!

Apa lagi kalau dilihat kepada hadits Jaabir yang diriwayatkan oleh Muslim. Ia jelas tidak mengecualikan mana-mana manusia yang bernyawa di muka bumi pada malam itu. Lihat hadits Jaabir yang dimaksudkan itu:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَبِيبٍ وَمُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى كِلَاهُمَا عَنِ الْمُعْتَمِرِ قَالَ ابْنُ حَبِيبٍ حَدَّثَنَا مُعْتَمِرُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِيهِ حَدَّثَنَا أَبُو نَضْرَةَ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ ذَلِكَ قَبْلَ مَوْتِهِ بِشَهْرٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ مَا مِنْ نَفْسٍ مَنْفُوسَةٌ إِلَيْهَا تَأْتِي عَلَيْهَا مِائَةُ سَنَةٍ وَهِيَ حَيَّةٌ يَوْمَئِذٍ.

Bermaksud: Jaabir bin `Abdillah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda begini kira-kira sebulan sebelum kewafatan Baginda: “Tidak ada seorang pun manusia yang bernyawa (hidup) hari ini akan terus hidup selepas seratus tahun akan datang.”

Nah! Tidak ada di dalam hadits ini qaid “di atas muka bumi”, sehingga boleh dita’wilkan dengan muka bumi tertentu. Sementara sebahagian muka bumi yang lain pula terkecuali! Tidak ada juga di dalamnya isyarat kepada terkecualinya manusia tertentu daripada ramalan Baginda s.a.w. itu.

Nakirah (نفس) di halaman nafi (ما) sebelumnya bahkan menguatkan lagi erti umum setiap orang yang bernyawa. Termasuk juga Khadir, jika diandaikan beliau masih hidup lagi pada ketika itu.

(6) Apa yang boleh disebut sebagai dalil dan hujah agama di pihak orang-orang yang berpendapat Khadhir masih hidup hingga sekarang, sebenarnya satu pun tidak ada. Yang terbaik daripadanya pun begitu teruk. Bayangkanlah bagaimana yang lain-lain lagi!

(7) Golongan ‘ulama’ yang percaya Khadhir telah mati pula berpegang dengan beberapa dalil lain selain hadits riwayat Bukhari dan hadits riwayat Muslim yang dikemukakan tadi. Sandaran mereka dalam perkara ini ialah al-Qur'an, al-hadits, hasil kajian ‘ulama’ muhaqqiqin, ijmā` dan logik serta dirayah. Antara dalil al-Qur'an yang menjadi pegangan mereka ialah:

(i)

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِّنْ قَبْلِكَ أَحْلَانَدَ أَفَإِنْ مِّنْ قَبْلِهِمُ الْخَلِيلُونَ ﴿٤﴾

Bermaksud: dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelumnya dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (Wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya? (al-Anbiyya':34).

Ayat ini menunjukkan tidak ada seorang pun manusia dapat hidup kekal di dunia atau berumur terlalu panjang seperti dikaitkan dengan Khadhir. Kalau ada, tentulah ia menjadi suatu keajaiban dalam kejadian Allah. Dan tentu sekali ia ada tersebut sama ada di dalam al-Qur'an atau al-hadits sebagai salah satu tanda kebesaran Allah.

(ii)

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيقَاتَ النَّبِيِّ عَنْ لَمَّا عَاهَيْتُمُوهُ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَئُؤْمِنُ بِهِ
وَلَتَنْصُرُنَّهُ، قَالَ أَفَقَرَزُتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَى ذَلِكُمْ إِصْرِي ۝ قَالُوا أَفَرِزْنَا قَالَ فَآشَهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّهِيدِينَ ﴿٥﴾

Bermaksud: dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari nabi-nabi (dengan firmanNya): “Sesungguhnya apa jua kitab dan hikmat yang Aku berikan kepadamu, kemudian datang pula kepadamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada padamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya”. Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): “Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan

janjiKu secara yang demikian itu?” Mereka menjawab: “Kami beriqrar (mengakui dan menerima)”. Allah berfirman lagi: “Jika demikian, maka saksikanlah kamu (wahai para nabi), dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu.” (Aali ‘Imraan:81).

Kebanyakan ‘ulama’ berpendapat Khadhir adalah seorang nabi. Kalau begitu beliau juga terikat dengan perjanjian setia yang tersebut di dalam ayat di atas. Perjanjian bahawa bilamana datang seorang rasul bernama Muhammad, mereka akan beriman kepadanya dan menolongnya.

Jika Khadhir masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w. - dalam keadaan beliau bebas pergi ke mana-mana tempat yang dikehendakinya sesuai dengan kepercayaan orang-orang yang menganggap beliau masih hidup - beliau sepatutnya pergi menolong Baginda s.a.w., sekurang-kurangnya dalam peperangan-peperangan yang dilancarkan oleh Baginda s.a.w.

Tetapi tidak tersebut di dalam mana-mana ayat al-Qur'an atau hadits bahawa Khadhir pernah ikut serta bersama Rasulullah s.a.w. dalam mana-mana peperangan yang pernah dilancarkan oleh Baginda s.a.w. `Aqal yang sejahtera tidak dapat menerima seorang nabi yang telah membuat perjanjian setia dengan Allah akan memungkiri janjinya!

(8) Para ‘ulama’ muhaqqiqin seperti Imam Bukhari, Ibrahim al-Harbi, Abu Ja`far Ibnu al-Munaadi, Abu Ya`la bin al-Farraa’, Abu Thahir al-`Abbaadi, Abu Bakar Ibnu al-`Arabi, Ibnu al-Jauzi, Ibnu Taimiyah, Ibu al-Qaiyyim, Ibnu Katsir, Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain adalah antara tokoh yang berpendapat Khadhir telah pun mati. Walaupun ada tokoh-tokoh hadits yang berpendapat Khadhir masih hidup hingga sekarang, namun kebanyakan mereka berpendapat beliau telah mati.

(9) Antara tokoh hadits yang menerima Khadhir masih hidup ialah Ibnu as-Shalah dan muridnya an-Nawawi. Ibnu as-Shalah malah telah berkata:

هُوَ حِيٌّ عِنْدَ جَمِيعِ الْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَالْعَامَةِ مَعَهُمْ فِي ذَلِكِ وَإِنَّمَا شَذَّ بِإِنْكَارِهِ بَعْضُ الْمُحَدِّثِينَ

Bermaksud: “Beliau (khadir) masih hidup menurut jumhur ‘ulama’. Orang ramai bersama mereka dalam perkara ini. Hanya ada segelintir muhadditsin sahaja yang telah terkeluar daripada kumpulan.”

An-Nawawi pula di dalam Syarah Muslim dan Tahzibu al-Asmaa' wa al-Lughaatnya berkata:

جمهور العلماء على انه حي موجود بين اظهرنا وذلك متافق عليه عند الصوفية واهل الصلاح والمعرفة وحكاياتهم في رؤيته والاجتماع به والأخذ عنه وسؤاله وجوابه وجوده في الموضع الشريف وموطن الخير اكثر من ان يحصر وأشهر من ان يستر

Bermaksud: "Menurut jumhur 'ulama', beliau (Khadhir) masih hidup dan ada di kalangan kita. Ini adalah suatu perkara yang disepakati di kalangan orang-orang Sufi, orang-orang saleh dan ahli ma'rifat. Cerita-cerita mereka tentang pernah melihatnya, duduk bersama-sama, belajar sesuatu daripadanya dan bersoal jawab dengannya, beliau berada di tempat-tempat suci dan tempat-tempat berkebajikan tidak terhingga banyaknya dan begitu masyhur, diketahui semua orang."

Hairan! Jumhur 'ulama' mana yang dimaksudkan oleh Ibnu as-Shalah dan an-Nawawi itu!!

(10) Pengarang `Aunu al-Ma`bud Syarah Sunan Abi Daud, Maulana Syamsul Haq al-`Azimabaadi membantah kata-kata Ibnu as-Shalah dan an-Nawawi itu dengan katanya:

ما قاله النووي من أن حياة الخضر قول الجمهور ليس بصحيح وقد رد عليه الحافظ بن حجر في الإصابة

Bermaksud: "Apa yang dikatakan oleh an-Nawawi bahawa jumhur 'ulama' berpendapat Khadhir masih hidup itu tidak sahih. Hafiz Ibnu Hajar telah menolaknya di dalam al-Ishaabah."

Abu Haiyyaan di dalam Tafsirnya berkata sebaliknya: **والجمهور على أنه مات** Bermaksud: "Jumhur 'ulama' berpendapat beliau (Khadhir) telah mati." (Lihat Tafsir al-Bahru al-Muhibb j.7, m/s 484).

Apakah tokoh-tokoh utama hadits seramai yang tersebut di atas sekurang-kurangnya boleh dikatakan golongan yang syaz? "Hanya ada segelintir muhadditsin sahaja yang telah terkeluar daripada kumpulan"? Mereka pula berpegang dengan dalil-dalil yang kukuh berupa al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih?!

(11) Menurut hukum `adat, seorang yang hidup di zaman Nabi Musa iaitu kira-kira 2000 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. tidak mungkin hidup sampai ke

hari ini. Apalagi kalau dikatakan ia tidak dimakan usia, bebas ke mana-mana dan terlindung pula dari pandangan manusia! Untuk mempercayai kewujudan orang seperti itu semestinya kita umat Islam memerlukan dalil yang kukuh.

(12) Imam Bukhari pernah ditanya tentang Khadhir, adakah dia masih hidup? Jawab beliau: “Bagaimana dia akan hidup. Nabi s.a.w. telah bersabda:

أَرَأَيْتُكُمْ لَيَلَّتُكُمْ هَذِهِ فَإِنَّ رَأْسَ مَا تَةَ سَنَةٍ مِنْهَا لَا يَبْقَى مَمْنُونٌ هُوَ عَلَى ظَهْرِ الْأَرْضِ أَحَدٌ

Bermaksud: “Ingat baik-baik malam ini! Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang hidup di atas muka bumi pada malam ini akan terus hidup selepas seratus tahun (bermula dari malam ini).”

Hadits inilah yang menjadi pegangan Bukhari dalam membuat keputusan tentang Khadhir telah mati.

(13) Abu al-Khatthaab bin Dihyah berkata:

وَجَمِيعُ مَا وَرَدَ فِي حَيَاتِهِ لَا يَصْحُّ مِنْهُ شَيْءٌ بِاتفاقِ أَهْلِ النَّفْلِ

Bermaksud: Para ‘ulama’ hadits sekata berhubung dengan semua hadits tentang Khadhir masih hidup, bahawa tidak ada satu pun daripadanya yang sahih.

(14) Teori Khadhir masih hidup juga ternyata tiada nilainya apabila ditimbang dengan neraca logik dan dirayah. Dari sudut logik dan dirayah teori itu tertolak dengan 14 alasan berikut:

(i) Di antara golongan yang menerima Khadhir masih hidup ada yang mempercayai beliau adalah salah seorang anak Nabi Adam a.s. sendiri atau beliau adalah salah seorang cucu-cicit Baginda. Kalau begitu, umur beliau bukan 3000 tahun lagi, malah lebih dari 6000 ribu tahun. Menurut hukum `adat, tidak pernah ada manusia berumur sepanjang itu.

(ii) Ada juga yang mengatakan Khadhir pernah menjadi menteri Iskandar Zulqarnain. Soalnya kalau diterima beliau anak Nabi Adam a.s. sendiri atau diterima sebagai piut Nabi Adam sekalipun, tentu umurnya pada ketika itu paling tidak sudah melebihi 2000 tahun. Tentu sekali menteri Iskandar Zulqarnain yang begitu panjang umurnya itu

mendapat perhatian semua pihak dan perihal umurnya tercatat dalam sejarah. Tetapi tidak ada pula sejarah mencatatkan begitu.

(iii) Kalau Khadhir telah wujud sebelum zaman Nabi Nuh a.s. Sudah tentu ketika taufan dan banjir besar berlaku, beliau juga termasuk di antara orang-orang yang menumpang bahtera Nuh. Tetapi tidak ada siapa pun di kalangan ahli sejarah menukilkan begitu.

(iv) Para ‘ulama’ Tafsir bersepakat tentang orang-orang yang menaiki bahtera Nuh telah mati kesemuanya setelah bahtera itu mendarat. Itulah bagi mereka maksud firman Allah:

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّةً وَهُمُ الْبَاقِينَ ﴿٧﴾

Bermaksud: dan Kami jadikan zuriat keturunannya sahaja orang-orang yang tinggal hidup melanjutkan keturunan. (As-Shaaffaat:77).

Kenyataan ini menolak pendapat orang-orang yang mengatakan Khadhir telah wujud sebelum zaman Nabi Nuh a.s.

(v) Kalau benar Khadhir telah dilahirkan sebelum Nabi Nuh a.s. dan beliau terus hidup sampai ke akhir zaman, tentu ia merupakan sebesar-besar tanda dan ke`ajaiban kejadian Allah. Tentulah ceritanya tersebut pada beberapa tempat di dalam al-Qur’ān, justeru ia merupakan sebesar-besar tanda rububiyyah Allah.

Allah telah menyebutkan di dalam al-Qur’ān umur Nabi Nuh yang begitu panjang sebagai tanda kebesaranNya. Padahal umurnya tidak lebih seribu tahun. Hanya 950 tahun sahaja. Lihat firman Allah ini:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ فَأَبْيَكَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخْذَهُمُ الظُّلْفَانُ وَهُمْ ظَلِيلُونَ ﴿١٤﴾

Bermaksud: dan sesungguhnya Kami telah mengutus (Nabi) Nuh kepada kaumnya, maka tinggallah dia di antara mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan, sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka). (al-`Ankabut:14).

Bagaimana dengan orang yang terus hidup sampai ke akhir zaman?! Kenapa tidak disebutNya walaupun hanya pada satu tempat di dalam al-Qur’ān?? Kerana itulah Imam

Ibrahim al-Harbi berkata: “Perkara ini tidak disebarluaskan di kalangan manusia kecuali oleh syaitan.”

(vi) Berkata Khadhir masih hidup bererti mengucapkan sesuatu atas nama Allah tanpa sebarang ilmu. Perbuatan seperti itu haram berdasarkan nas al-Qur'an. Haramnya jelas sekali. Kalau Khadhir masih hidup, tentu al-Qur'an dan as-Sunnah ada menyebut tentangnya. Tentu juga sekalian umat bersepakat tentangnya.

Sekarang Kitab Allah ada di hadapan kita. Di mana ada tersebut di dalamnya tentang Khadhir masih hidup? As-Sunnah juga ada di hadapan kita. Di mana ada tersebut di dalamnya tentang Khadhir belum mati? Adakah para ‘ulama’ di sepanjang masa telah berijmaa` tentang Khadhir masih hidup?

(vii) Pegangan orang-orang yang berpendapat Khadhir masih hidup hanyalah hadits-hadits dha`if teruk dan muadhu` atau hikayat-hikayat yang disampaikan oleh orang-orang yang menda`wa telah melihatnya atau telah bertemu dengannya.

Hairan! Bagaimana ia mengetahui orang yang dilihatnya atau ditemuinya itu Khadhir? Adakah ada padanya sesuatu tanda atau isyarat yang menunjukkan orang berkenaan adalah Kadhir?

Kalau ia berkata sayalah Khadhir sekalipun, bagaimana seseorang itu dapat yakin yang ia benar-benar Khadhir? Tidak ada kemungkinankah penda`wa itu berdusta?

(viii) Orang-orang yang menda`wa telah melihat Khadhir atau telah bertemu dengannya pula tidak sekata. Ada yang mengatakan Khadhir sebagai seorang yang sudah sangat tua. Ada yang mengatakan ia masih muda belia. Keadaan rupanya juga dikatakan berbeza-beza. Jadi mana satu antaranya yang benar dan tepat?

(ix) Sama ada anda menerima kewujudan Khadhir bermula sebelum zaman Nabi Nuh atau beliau hidup sezaman dengan Nabi Musa a.s. Kenapa ia tidak kelihatan kepada orang ramai? Untuk apa beliau disembunyikan daripada pandangan manusia? Bukankah berdasarkan hadits-hadits yang sahih Khadhir adalah seorang manusia yang dapat dilihat dan memang dikenali ramai sekurang-kurangnya ketika beliau hendak menumpang sebuah kapal bersama Nabi Musa? Kalau begitu sejak bila beliau tidak dapat dilihat oleh orang ramai? Dan kenapa??

(x) Setelah bertemu dengan Nabi Musa Kalimullah (seorang nabi yang mempunyai keistimewaan dapat bercakap secara langsung dengan Allah), Khadhir akhirnya telah berpisah dari Baginda. Beliau sendiri yang hendak berpisah dengan Nabi Musa. Sesuai dengan firman Allah: هذَا فِرَاقٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ (Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu). (al-Kahfi:78).

Soalnya bagaimana Khadhir tidak berasa keberatan berpisah dengan manusia seperti Nabi Musa a.s., kemudian dengan segala sukacitanya sentiasa bertemu dengan ahli-ahli ibadat yang jahil tentang syari`at, orang-orang yang tidak hadhir bersembahyang Juma`at dan jama`ah, tidak hadhir juga dalam majlis-majlis ilmu, malah tidak tahu apa pun tentang agama Islam?

Masing-masing mereka menda`wa kononnya: “Kata Khadhir”, “Khadhir telah datang kepadaku”, “Pesan Khadhir kepadaku” dan lain-lain.

Cuba fikir, bagaimana Khadhir dengan mudah dapat berpisah dari Nabi Musa a.s., kemudian menghabiskan masanya ke sana kemari untuk bertemu dengan orang-orang jahil, orang-orang yang tidak tahu hatta berwudhu’ dan bersembahyang pun!

(xi) Seseorang yang menda`wa dia Khadhir, lalu berkata: “Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda begini-begini”, bukan merupakan hujah dalam agama dan kata-katanya itu tidak perlu dihiraukan langsung menurut ijmaa` umat Islam. Ini kerana pada hakikatnya Khadhir tidak pernah bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dan tidak pernah juga berbai`ah dengan Baginda s.a.w.

Kalau beliau masih hidup di zaman Rasulullah s.a.w., semestinya beliau telah pergi bertemu Baginda s.a.w. sekurang-kurangnya satu kali. Bagaimana beliau dengan bebas dapat pergi ke mana-mana dan dapat bertemu dengan sesiapa saja yang dikehendakinya, tetapi untuk bertemu dengan Rasulullah s.aw. satu kali pun tak dapat!

(xii) Kalau Khadhir pernah bertemu dengan Rasulullah s.a.w., tentu namanya tersenarai sebagai seorang sahabat. Tetapi tidak ada pula ‘ulama’ Rijāl yang memasukkan nama beliau dalam senarai sahabat.

Kalau beliau seorang sahabat, tidak benarlah kata-kata para ‘ulama’ bahawa sahabat Rasulullah s.a.w. yang paling akhir meninggal dunia ialah Abu at-Thufail `Aamir bin Waatsilah.

Kenapa pula beliau yang wafat pada tahun 110H itu dikatakan yang paling akhir wafat? Bukankah ada lagi seorang sahabat yang belum meninggal dunia? Namanya Khadhir! Jawab, siapakah di kalangan ‘ulama’ yang berkata begini?

(xiii) Saiz orang-orang purbakala tidak seperti orang-orang di akhir zaman ini. Saki baki runtuhan bangunannya masih lagi tersimpan hingga ke hari ini. Ia menunjukkan badan mereka jauh lebih besar dan lebih tinggi daripada orang-orang di zaman moden. Tetapi orang-orang yang menda`wa telah bertemu dengan Khadhir itu tidak pula nampak beliau terlalu besar dan tinggi. Saiznya bahkan dikatakan berbeza-beza. Mana satu saiz sebenarnya?

Kalau diandaikan beliau memang besar dan tinggi, tentulah lebih mudah untuk semua orang nampak. Tentulah beliau menjadi tumpuan perhatian ramai. Adakah berlaku begitu? Tidak! Kenapa tidak? Jawabnya kerana ia memang tidak wujud pun!

(xiv) Kalau Khadhir masih hidup, tentulah berjihadnya dengan orang-orang kafir untuk menegakkan Islam, penglibatannya dalam segala urusan agama, menghadhiri jama`ah dan Juma`at, mengajar dan membimbing umat lebih patut diutamakannya daripada merayau-rayau di hutan belantara dan di padang-padang pasir tanpa sebarang tujuan yang nyata. Mempercayai Khadhir masih hidup tanpa melakukan tuntutan-tuntutan agama yang sangat mendesak itu sebenarnya merupakan suatu penghinaan yang amat dahsyat terhadap beliau.

(15) Pada pendapat penulis, teori kehidupan Khadhir atau Khadhir masih hidup asalnya dikemukakan oleh Syi`ah untuk menjustifikasi teori imam Mahdi mereka. Ini kerana syi`ah selalu berhujah dengan mengatakan: “Apalah yang menghairankan sangat kalau kami mempercayai Imam Mahdi iaitu imam kedua belas kami masih hidup! Dia masih lagi membimbing dan memberi bantuan kepada pengikut-pengikutnya.

Bukankah kamu juga percaya Khadhir masih hidup? Padahal umurnya jauh lebih tua dari imam Mahdi yang kami percayai. Kalau Allah berkuasa memanjangkan umur

Khadhir di samping menyembunyikannya dari penglihatan orang ramai, kenapakah pula Dia tidak berkuasa memanjangkan umur al-Mahdi dan menyembunyikannya seperti Khadhir dari penglihatan orang ramai?

Teori Khadhir masih hidup bagi penulis tidak lebih daripada perangkap syi`ah yang dipasang mereka di arena Tasauf. Setiap orang yang masuk ke arena Tasauf pasti akan terjebak ke dalam perangkap yang dipasang mereka itu, dan secara tidak langsung mereka telah terperdaya dan terpengaruh dengan syi`ah.

Tidak terkecuali dalam hal ini nampaknya ‘ulama’-‘ulama’ hadits yang menceburι bidang Tasauf atau yang terlalu bersangka baik terhadap pengamal-pengamal Tasauf. Dengan menerima konsep ini golongan Ahli as-Sunnah seolah-olahnya telah terperangkap dengan jerat yang dipasang mereka sendiri.

Mulut Ahli as-Sunnah yang menerima Khadhir masih hidup akan terkunci terus apabila Syi`ah mengemukakan konsep al-Mahdi yang dipercayai mereka. Itulah sebenarnya yang dikehendaki Syi`ah!!

Usul (53) Riwayat-riwayat yang menyatakan Nabi Ilyas atau Ilyasa` dan Khadhir masih hidup dan mereka dikatakan bertemu pada setiap tahun di tempat-tempat tertentu, demikian juga pertemuan Khadhir dengan Jibril, Mikail dan Israfil pada setiap hari `Arafah, semuanya adalah maudhu`.

Antara contohnya ialah:

Contoh Pertama:

أَخْبَرَنَا أَبُو إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ يَحْيَى الْمُرْكِي النَّبِيَّسَابُورِيُّ نَّا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ بْنُ حُرَيْمَةَ نَّا مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنُ زَيْدٍ إِمْلَاءً عَلَيْنَا بِعَبَادَانَ نَّا عَمْرُو بْنُ عَاصِمٍ نَا الْحَسْنُ بْنُ رَزِينَ عَنْ أَبْنِ جُرْيِّجَ عَنْ عَطَاءٍ عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ لَا أَعْلَمُهُ إِلَّا مَرْفُوعًا : أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَلْتَقِي الْخَصَّرُ وَإِلَيْسُ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ فِي كُلِّ عَامٍ فِي الْمَوْسِمِ ، فَيَحْلِقُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا رَأْسَ صَاحِبِهِ ، وَيَتَفَرَّقُانِ عَنْ هُؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ : بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ ، لَا يَسُوقُ الْحَيْثُ إِلَّا اللَّهُ ، مَا شَاءَ اللَّهُ لَا يَضْرِفُ السُّوءُ إِلَّا اللَّهُ ، مَا شَاءَ اللَّهُ مَا كَانَ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ، قَالَ : وَقَالَ أَبْنُ عَبَّاسٍ : مَنْ قَالَهُنَّ حِينَ يُصْبِحُ وَحِينَ يُمْسِي ثَلَاثَ مَرَّاتٍ آمَنَهُ اللَّهُ مِنَ الْغَرَقِ وَالْحَرَقِ وَالسَّرَّقِ ، قَالَ : وَأَحْسَبُهُ قَالَ : وَمِنَ الشَّيْطَانِ وَالسُّلْطَانِ وَالْحَيَّةِ وَالْعَقْرِبِ .

Bermaksud: Ibnu `Abbaas meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Khadhir dan Ilyās a.s. bertemu setiap tahun pada musim haji. Masing-masing daripada mereka berdua mencukur kepala satu sama lain. Dan mereka berpisah dengan ucapan yang bermaksud:

Dgn nama Allah, apa yang dikehendaki Allah. Tidak ada yang membawa kebaikan melainkan Allah. Apa yang dikehendaki Allah, tidak ada yang dapat memalingkan kejahanan melainkan Allah. Apa yang dikehendaki Allah, tidak ada satu pun ni`mat melainkan datangnya daripada Allah. Apa yang dikehendaki Allah, tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah.

Berkata perawi, kata Ibnu `Abbaas: “Sesiapa mengucapkannya tiga kali pada waktu pagi dan tiga kali pada waktu petang, Allah akan mengamankannya daripada kelemasan, kebakaran dan kecurian.” Kata perawi lagi, aku rasa beliau (Ibnu `Abbaas) juga berkata: “Juga daripada syaitan, sultan (yang zalim), ular dan kala jengking.”

Rujukan:

Ibnu Syādzān – Masyyakhah Ibni Syādzān as-Shughra m/s 31, Ibnu `Asākir – Tārikh Dimasyq j.5 m/s 647, Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū`āt j.1 m/s 195-196, Ibnu `Adi – al-Kāmil Fi Dha`afā’ ar-Rijāl j.2 m/s 328, Hafizh Ibnu Hajar – az-Zahru an-Nadhir m/s 102-106, al-`Uqaili – ad-Dhu`fā’ al-Kabīr j.2 m/s 142-143, Ibnu Katsīr – al-Bidāyah Wa an-Nihāyah j.1 m/s 325-327, Ibnu al-Qaiyyim – al-Manārul Munīf m/s 67, as-Sakhāwi – al-Maqāshid al-Ḥasanah m/s 62, al-Albāni – as-Silsilatu ad-Dha`īfah j.13 m/s 541.

Komentar:

(1) Riwayat dengan sanad di atas dikemukakan oleh Ibnu Syādzān di dalam Masyyakhah Ibni Syādzān as-Shughra. Riwayat sama yang dikemukakan oleh orang-orang lain juga tetap bertemu di bahagian atasnya dengan sanad yang Ibnu Syādzān itu. Madārnnya ialah al-Ḥasan bin Razīn.

(2) Ad-Daaraquthni di dalam al-Afrād berkata, “Tidak ada orang meriwayatkannya daripada Ibnu Juraij selain al-Ḥasan bin Razīn.” Abu Ja`far al-`Uqaili berkata, “Tidak ada penyokongnya. Dia pula majhūl. Haditsnya tidak mahfūzh.” Abul Ḥusain Ibnu al-

Munādi pula berkata, “Ia adalah hadits lemah dengan sebab al-Ḥasan bin Razīn itu. Khadhir dan Ilyās telah pun meninggal dunia.” (Lihat az-Zahru an-Nadhir m/s 102-103, al-Maudhū`āt j. 1 m/s 197).

(4) Hafizh Ibnu Hajar mengemukakan satu lagi riwayat yang lebih kurang sama dengan riwayat contoh pertama itu di dalam az-Zahru an-Nadhir melalui saluran yang lain, zahirnya kelihatan seperti riwayat mutābi`ah bagi riwayat al-Ḥasan bin Razīn itu. Ibnu al-Jauzi juga ada mengemukakan riwayat itu di dalam kitabnya al-Maudhū`āt. Di bawah ini dikemukakan riwayat yang dimaksudkan itu:

أَحْمَدُ بْنُ عَمَّارٍ ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُهَدِّيٍّ ، حَدَّثَنَا مُهَدِّيُّ بْنُ هَلَالٍ ، حَدَّثَنَا مُهَمَّدُ بْنُ جَرِيجٍ فَذَكَرَ بِلِفْظٍ : يَجْتَمِعُ الْبَرِيَّ
وَالْبَحْرِيُّ إِلَيْسَ وَالخَضْرُ كُلُّ عَامٍ بِمَكَّةَ .

قال ابن عباس : بلغنا أنه يحلق أحدهما رأس صاحبه ، ويقول أحدهما للآخر ; قل : بسم الله ... الخ.

وَزَادَ : قَالَ ابْنَ عَبَّاسَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ عَبْدٍ قَالَهَا كُلُّ يَوْمٍ إِلَّا أَمِنَ مِنَ الْحَرَقِ وَالْعَرْقِ
وَالسُّرْقِ ، وَكُلُّ شَيْءٍ يَكْرَهُهُ حَقِّ يَمْسِيٍّ ، وَكَذَلِكَ حَقِّ يَصْبِحُ .

Bermaksud: Orang darat dan orang laut, Ilyās dan Khadhir bertemu setiap tahun di Mekah. Kata Ibnu `Abbaas, “Kami mendapat ma`lumat bahawa mereka berdua mencukur kepala satu sama lain. Mereka juga berkata kepada satu sama lain (seperti tersebut di dalam riwayat contoh pertama di atas).

Ibnu Juraij menambahkan, kata Ibnu `Abbaas, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tiada siapa pun mengucapkannya setiap hari melainkan ia akan aman (terpelihara) daripada kebakaran, kelemasan dan kecurian, juga aman daripada segala perkara yang tidak disukainya hingga ke petang hari. Begitu juga hingga ke pagi besoknya.” (az-Zahru an-Nadhir m/s 104).

Hafizh Ibnu Hajar berkata, sanad hadits ini sangat dha`if. Ibnu al-Jauzi pula berkata, “Ahmad bin `Ammaar perawi matrūk menurut ad-Daaraquthni. Mahdi bin Ḥilāl juga matrūk. Ibnu Hibbaan bahkan berkata, Mahdi bin Hilāl meriwayatkan hadits-hadits maudhu’.”

Krn itu Mahdi bin Hilāl tidak boleh dikira sebagai mutābi` bagi al-Ḥasan bin Razīn dalam meriwayatkannya daripada Ibnu Juraij.

(5) Sesuatu yang tidak tersebut di dalam riwayat contoh pertama bagaimanapun tersebut di dalam riwayat Mahdi bin Hilāl, iaitu orang darat dan orang laut. Yang dimaksudkan dengan orang darat ialah Nabi Ilyās, yang dimaksudkan dengan orang laut pula ialah (Nabi?) Khadhir. Berhubung dengan orang darat dan orang laut ini terdapat banyak pula dongeng-dongengnya.

(6) Kononnya al-Ḥasan al-Bashri pernah berkata, “Diserahkan urusan di daratan kepada Ilyās, kepada Khadhir pula diserahkan urusan di lautan. Kedua-dua mereka dikurniakan umur yang panjang di dunia hingga ke tiupan sangkakala yang pertama. Mereka bertemu pada musim haji.”

Apa yang dikemukakan sebagai kata-kata Ḥasan al-Bashri ini langsung tidak bersanad.

Tidak jelas urusan apakah yang diserahkan kepada Ilyās di daratan dan kepada Khadhir di lautan! Adakah mereka juga berperanan seperti malaikat?!

Perkara-perkara yang karut seperti ini hanya terdapat di dalam riwayat-riwayat maudhu` , ia sama sekali tidak dapat dijumpai di dalam rujukan agama Islam yang mu`tabar.

(7) Hafizh Ibnu Hajar berkata, semua hadits-hadits berhubung dengan perkara ini mungkar, tidak ada satu pun daripadanya tsabit (bertaraf sahih atau hasan).

Di tempat yang lain pula beliau berkata, “Antara dalil paling kuat tentang Khadhir tidak hidup hingga ke zaman Rasulullah s.a.w. ialah tidak hadhirnya beliau menemui baginda s.a.w. Umurnya yang (dikatakan) luar biasa panjang tidak seperti orang-orang lain di sepanjang sejarah manusia juga (tidak dapat diterima), krn tidak ada dalil syara` tentangnya.” (az-Zahru an-Nadhir m/s 115).

(8) Imam Ibnu Ḥazam, Ibnu al-Jauzi, Ibnu Taimiyyah, Ibnu al-Qaiyyim, Ibnu Katsīr dan al-Albāni pula adalah antara tokoh ulama hadits yang menghukum hadits-hadits seperti ini sebagai dusta dan maudhu` tanpa sebarang keraguan.

(9) Menurut Imam Ibnu Ḥazam, kepercayaan Khadhir dan Ilyās masih hidup hingga ke hari ini sebenarnya berpunca daripada pengaruh ajaran Yahudi. Orang-orang Yahudi percaya Ilyās dan Finḥas bin ‘Aazār bin Harun a.s. masih hidup. Orang-orang sufi telah mengikut jejak langkah mereka dalam perkara ini. Mereka menda`wa bertemu

Ilyās di padang sahara. Mereka juga menda`wa bertemu Khadhir di taman-taman dan kebun-kebun bunga. Dan Khadhir itu bila saja disebut (dipanggil) akan terus datang. (Lihat al-Fishal Fi al-Milal Wa al-Ahwā' Wa an-Nihāl j.4 m/s 138).

Contoh Kedua:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ وَاقِدٍ ثنا الْقَاسِمُ بْنُ بَهْرَامَ ثنا أَبَانُ عَنْ أَنَّسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ الْخَضَرَ فِي الْبَحْرِ وَالْبَيْسَعَ فِي الْبَرِّ يَجْتَمِعُانِ كُلَّ لَيْلَةٍ عِنْدَ الرَّدْمِ الَّذِي يَنَاهُ دُوُّ الْقَرْنَيْنِ بَيْنَ النَّاسِ وَبَيْنَ يَاجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَيَحْجَانَ أَوْ يَجْتَمِعُانِ كُلَّ عَامٍ وَيَشْرَبَانِ مِنْ رَمْزَمَ شَرْبَةً تَكْفِيهِمَا إِلَى قَابِلٍ

Bermaksud: Anas bin Malik meriwayatkan katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Khadhir di laut dan al-Yasa` di darat, setiap malam mereka bertemu dekat benteng yang dibina Dzul Qarnain untuk menghalang Ya’jūj dan Ma’jūj daripada mengganggu orang ramai. Mereka berdua mengerjakan haji dan bertemu setiap tahun, mereka berdua minum air Zamzam sekali sahaja dan ia mencukupi untuk mereka hingga ke tahun hadapan.

Rujukan:

Al-Ĥārits bin Abi Usāmah – Bughyatu al-Bāħits ‘An Zawā’id Musnad al-Ĥārits j.2 m/s 866, Abu Nu`aim al-Ishfahāni j.2 m/s 633, Hafizh Ibnu Hajar – az-Zahru an-Nadhir m/s 112 & al-Ishābah j.2 m/s 293, ad-Dailami -Musnad al-Firdaus j.2 m/s 202, as-Suyuthi – ad-Durru al-Mantsūr j.7 m/s 118.

Komentar:

(1) Hadits di atas dengan sanadnya adalah berdasarkan riwayat al-Ĥārits bin Abi Usāmah. Semua perawi (selain Anas dan al-Ĥārits sendiri) di dalam sanadnya sangat bermasalah. Al-Qāsim bin Bahrām seorang pendusta besar. Gurunya iaitu Abān (bin Abi ‘Ayyāsy) seorang perawi matrūk. Dia (Abān) menurut Syu’bah bahkan seorang yang berdusta dalam meriwayatkan hadits. Abdur Raħīm bin Wāqid pula seorang perawi dha`if.

(2) Terdapat idhthirāb pada nama yang disebut di dalam riwayat-riwayat yang berbeza-beza. Di dalam riwayat ini disebutkan al-Yasa`. Sedangkan di dalam riwayat yang lain pula disebut Ilyās. Mana satu yang betulnya Ilyāskah atau al-Yasa`? Kalau riwayat yang

menyebutkan nama al-Yasa` itu juga betul, maka umurnya juga luar biasa panjang. Berapa orangkah sebenarnya yang berumur panjang luar biasa itu?

Idhthirāb menurut para ulama hadits adalah salah satu tanda hadits yang bermasalah.

(3) Kalau mereka memang bertemu setiap malam dekat benteng yang dibina Dzul Qarnain, apa perlu dan apa istimewa lagi disebutkan mereka berkumpul di Mekah setiap tahun pada musim haji?

(4) Khadhir di katakan tinggal di laut dan al-Yasa` pula tinggal di darat, lalu untuk apa agaknya mereka berdua bertemu di darat, itupun pada watu malam. Kepada siapa pula Khadhir serahkan urusan di laut pada waktu malam?

(5) Khadhir dan al-Yasa` digambarkan tidak seperti manusia biasa. Sejak bila mereka menjadi makhluk gaib seperti itu. Padahal Khadhir dapat dilihat oleh orang ramai di zaman Nabi Musa dan mereka memang mengenalinya. Al-Yasa` atau Ilyās juga hidup seperti manusia biasa dahulu. Orang ramai juga dapat melihatnya dan mereka memang mengenalinya. Mereka terbilang antara para nabi dan rasul dari kalangan Bani Isra'il.

(6) Mereka berdua dikatakan minum air Zamzam sekali sahaja dan ia mencukupi untuk mereka hingga ke tahun hadapan. Seolah-olahnya mereka tidak memakan makanan yang lain. Sebanyak mana pula air Zamzam yang diminum mereka? Tidak makan dan minum selama satu tahun, itu juga sebenarnya suatu yang luar biasa, padahal Nabi `Isa dan ibunya Maryam yang dipercayai sebagai tuhan oleh segolongan orang-orang Kristian juga makan dan minum seperti orang biasa berdasarkan keterangan al-Qur'an. Lihat apa kata Allah tentang mereka:

مَا الْمَسِيحُ أَنْهُ مَرْيَمٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقْتَ مِنْ قَبْلِهِ أَرْشُلُ وَأُمُّهُ صَدِيقَةٌ كَانَا يُكْلَانِ الْكَعَامُ أَنْظُرْ كَيْفْ نُبَيِّنَ لَهُمْ أَلَا يَتَّبِعُونَ

وَأَنْظُرْ أَنَّ يُؤْفَكُونَ

Bermaksud: Tiadalah Al-Masih Ibni Mariam itu melainkan seorang Rasul yang telah terdahulu sebelumnya beberapa orang Rasul, dan ibunya seorang perempuan yang sangat benar, mereka berdua memakan makanan (seperti kamu juga). Lihatlah bagaimana kami jelaskan kepada mereka (ahli kitab itu) keterangan-keterangan (yang tegas yang menunjukkan kesesatan mereka), kemudian lihatlah bagaimana mereka

dipalingkan (oleh hawa nafsu mereka dari menerima kebenaran yang jelas nyata itu). (al-Mā'idah:75).

(7) Di dalam riwayat Ibnu 'Asākir daripada al-Ḥasan al-Bashri tersebut, Ilyās diwakilkan untuk menjaga padang sahara, Khadhir pula diwakilkan untuk menjaga bukit-bukau. Mereka juga dikatakan telah dikurniai umur yang luar biasa panjangnya. Mereka berdua akan hidup hingga ke tiupan sangkakala yang pertama dan bertemu pada setiap musim haji.

Soalannya ialah adakah riwayat contoh kedua itu satu riwayat yang salah atau betul? Kalau ia betul, bererti selain Nabi Ilyās a.s., Nabi al-Yasa` juga seperti Nabi Ilyās akan hidup hingga ke tiupan sangkakala yang pertama. Tetapi kisah Ilyās dan al-Yasa` yang tersebut di dalam riwayat-riwayat yang menyatakan pertemuan mereka dengan Khadhir secara umumnya kelihatan begitu serupa sehingga mendorong kita mengatakan salah satu daripada dua riwayat itu salah.

Di dalam riwayat Ibnu 'Asākir ini tersebut Khadhir “diwakilkan untuk menjaga bukit-bukau”, sedangkan di dalam riwayat contoh kedua tersebut Khadhir berada di laut. Agaknya diwakilkan untuk menjaga di laut! Entah, diwakilkan untuk menjaga apa di laut?! Di dalam lautkah atau pada bukit-bukau di atas laut (pulau-pulau)?

Kalau dia memang ditugaskan atau diwakilkan untuk menjaga di laut, kenapa pula dia selalu ditemui di darat. Selalu pula dikatakan dia menolong manusia di darat. Tidak ada pula disebutkan Ilyās ditemui di darat dan dialah yang selalu menolong orang-orang yang kesusahan di darat!

Di mana Ilyās? Adakah kerjanya hanya merayau-rayau di padang sahara? Khadhir juga yang disebut-sebut sebagai penyelamat orang-orang yang tersesat atau terkandas di padang sahara!

Contoh Ketiga:

عَنْ عَلَى ابْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَجْتَمِعُ فِي كُلِّ يَوْمٍ عَرْفَةَ جَبْرِيلُ وَمِيكَائِيلُ وَإِسْرَافِيلُ وَالْخَضِيرُ فَيَقُولُ جَبْرِيلُ: مَا شَاءَ اللَّهُ لَا فُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، فَيَرْدُ عَلَيْهِ مِيكَائِيلُ: مَا شَاءَ اللَّهُ كُلُّ نِعْمَةٍ فِيمَنِ اللَّهُ، فَيَرْدُ عَلَيْهِ إِسْرَافِيلُ: مَا شَاءَ اللَّهُ الْخَيْرُ كُلُّهُ بِيَدِ اللَّهِ، فَيَرْدُ عَلَيْهِ الْخَضِيرُ: مَا شَاءَ اللَّهُ لَا يَصْرُفُ السُّوءَ إِلَّا اللَّهُ. ثُمَّ يَقْرَرُّونَ عَنْ هَذِهِ الْكَلِمَاتِ فَلَا يَجْتَمِعُونَ إِلَيْ قَابِلٍ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَا مِنْ

أَحَدٍ يَقُولُ هَذِهِ الْأَرْبَعَ مَقَالَاتٍ حِينَ يَسْتَيْقِظُ مِنْ نَوْمِهِ إِلَّا وَكَلَّ اللَّهُ بِهِ أَرْبَعَةَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ يَحْفَظُونَهُ، صَاحِبُ مَقَالَةَ جِبْرِيلَ مِنْ بَيْنِ يَدِيهِ، وَصَاحِبُ مَقَالَةِ مِيكَائِيلَ عَنْ يَمِينِهِ، وَصَاحِبُ مَقَالَةِ إِسْرَافِيلَ عَنْ يَسْارِهِ، وَصَاحِبُ مَقَالَةَ الْخَضِيرِ مِنْ خَلْفِهِ إِلَى أَنْ تَعْرِبَ الشَّمْسُ، مِنْ كُلِّ آفَةٍ وَعَاهَةٍ وَعَدُوٌّ وَظَالِمٍ وَحَاسِدٍ. قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَمَا مِنْ أَحَدٍ يَقُولُ لَهَا فِي يَوْمِ عَرْقَةَ مِائَةً مَرَّةً مِنْ قَبْلِ غُرُوبِ الشَّمْسِ إِلَّا نَادَاهُ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ فَوْقِ عَرْشِهِ: أَيُّ عَبْدٍ يَقُولُ قَدْ أَزْصَيْتَنِي وَقَدْ رَضِيْتَ عَنِّي فَسَلِّمْنِي مَا شِئْتَ فَبِعِرْتِي خَلَمْتُ لِأُغْطِيَنَّكَ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. (dikatakan) telah brsabda: “Pada setiap hari ‘Arafah berkumpul Jibrīl, Mīkā’il, Isrāfīl dan Khadhir. Jibrīl mengucapkan: ما شاء الله لا فُؤَادٌ إلا بالله. Maka ucapan Jibrīl itu dibalas oleh Mīkā’il dengan berkata: ما شاء الله كُلُّ نعمَةٍ فَمِنَ اللهِ Isrāfīl membalas dengan berkata: ما شاء الله الخَيْرُ كُلُّهُ بِيَدِ اللهِ. Dan Khadhir pula membalas dengan berkata: ما شاء الله لا يَصْرُفُ السُّوءَ إِلَّا اللهُ. Kemudian mereka berpisah setelah masing-masing mengucapkan ucapan-ucapan tersebut. Mereka tidak bertemu lagi selepas itu sehingga ke hari yang sama pada tahun berikutnya.

Rasulullah s.a.w. (dikatakan telah) bersabda: “Tiada siapa pun mengucapkan empat ucapan tersebut ketika bagun dari tidurnya melainkan Allah menugaskan empat malaikat untuk menjaganya (sebagai teman). Teman ucapan Jibrīl berada di hadapannya. Teman ucapan Mīkā’il berada di sebelah kanannya. Teman ucapan Isrāfīl berada di sebelah kirinya, dan teman ucapan Khadhir pula berada dibelakangnya hingga terbenam matahari. Mereka semua menjaganya daripada segala malapetaka, penyakit, musuh, orang zalim dan juga pendengki.

Rasulullah s.a.w. juga (dikatakan) telah bersabda: “Tidak ada siapa pun mengucapkannya pada hari ‘Arafah sebanyak seratus kali sebelum terbenam matahari melainkan ia diseru oleh Allah dari atas ‘ArasyNya, “Hai hambaKu! Sesungguhnya engkau telah membuatkan Aku redha, aku pun meredhaimu. Maka mintalah kepadaKu apa yang engkau mahu. Demi kemuliaanKu, Aku bersumpah pasti akan memberikan kepadamu (apa yang minta).

Rujukan:

Ibnu al-Jauzi – Maudhū’āt j.1 m/s 196-198, Hafizh Ibnu Hajar – az-Zahru an-Nadhir m/s 104, Ibnu ‘Asākir – Tārīkh Dimasyq j.5 m/s 647-648, al-Khathīb al-baghdādi – Tarikh Baghdād j.3 m/s 89, Hafizh Ibnu Hajar – al-Ishābah j.2 m/s 306, al-Mizzi -

Tahdīb al-Kamāl j.13 m/s 361, as-Suyuthi – al-La’ali’ al-Mashnū’ah j.1 m/s 154, al-Albāni – as-Silsilatu ad-Dha’ifah j.13 m/s 537-541.

Komentar:

(1) Hadits yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas telah diriwayatkan oleh Ibnu al-Jauzi dengan sanad seperti berikut:

أَبِنَا مُحَمَّدَ بْنَ عَبْدِ الْمَالِكِ قَالَ أَبِنَا أَبُو بَكْرٍ أَخْمَدَ بْنَ عَلَيِّ بْنَ ثَابِتٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَلَيِّ الْأَرْجَجِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَلَيِّ بْنَ عَطِيَّةَ الْحَارِثِيَّ قَالَ حَدَّثَنَا عَلَيِّ بْنُ الْحَسَنِ الْجَهْضَمِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا ضَمْرَةُ بْنُ حَبِيبِ الْمَقْدِسِيِّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ حَدَّثَنَا الْعَلَاءُ بْنُ زَيَادٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَسَنِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِهِ عَنْ أَبِيهِ طَالِبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Hadits ini dilatakan di bawah tajuk: نَكْرٌ مَا رَوِيَ مِنْ اجْتِمَاعِ الْخَضْرَ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ

(2) Setelah mengemukakan hadits itu dan hadits-hadits lain tentang Khadhir beliau berkata, “Hadits-hadits ini karut semuanya...Di dalam sanadnya ada beberapa orang perawi majhūl. Mereka tidak dikenali.”

(3) Hafizh Ibnu Hajar juga mengatakan sanadnya terdiri daripada perawi-perawi majhūl. Demikian juga kata al-Mizzi.

(4) Ibnu Katsīr berkata tentang perawinya yang bernama ‘Ali bin Ḥasan al-Jahdhāmi, bahawa dia perawi pendusta besar.

(5) Hadits contoh ketiga ini menggambarkan Khadhir sebagai seorang yang tidak berada dalam masyarakat manusia. Ia kelihatan seperti salah seorang malaikat.

(6) Bagaimana agaknya Rasulullah s.a.w. mendapat tahu tentang pertemuan tahunan yang berlaku di antara malaikat Jibril, Mīkā’īl, Isrāfīl dan Khadhir itu, Adakah melalui Jibril atau melalui Khadhir? Demikian juga dengan kelebihan ucapan-ucapan yang tersebut semasa pertemuan mereka, adakah ia diberitahu oleh Jibrīl atau Khadhir? Tidak ada langsung keterangan tentangnya!

(7) Zahir riwayat ini menunjukkan semua mereka berpisah dan tidak bertemu antara satu sama lain selepas pertemuan itu, hinggalah mereka bertemu pula pada tahun berikutnya pada hari yang sama. Apa yang tersebut di dalamnya semuanya berkait

dengan alam ghaib. Bolehkah kita mempercayainya, sedangkan ia hanya tersebut di dalam hadits-hadits maudhu` seperti itu sahaja?

(8) Hadits-hadits maudhu` seperti ini mungkin direka oleh puak-puak zindiq untuk memalingkan umat Islam daripada berzikir dengan zikir-zikir yang tersebut di dalam al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih pada hari yang mulia itu (hari `Arafah). Ia sengaja digantikan dengan bacaan-bacaan lain yang kononnya mengandungi kelebihan-kelebihan duniawi yang sangat menarik hati kebanyakan manusia.